

Bahan kimia dilupus secara haram disyaki cemar Sungai Teritit


Mohd Rafi Mamat - September 2, 2024 @ 12:02pm
 bhnews@bh.com.my



Air Sungai Teritit berbuih dan mengeluarkan bau tidak menyenangkan. - Foto FB N22 BEBAR

PEKAN: Pencemaran Sungai Teritit di Merchong, dekat sini yang dikesan kelmarin, dipercayai berpunca daripada pelupusan bahan kimia sehingga menyebabkan air berbuih dan mengeluarkan bau tidak menyenangkan.

Keadaan itu meresahkan penduduk tiga kampung berhampiran, Kampung Merchong dan dua lagi yang dihuni masyarakat Orang Asli, iaitu Kampung Serun dan Kampung Chenkeroh yang bimbang dengan kesan sampingan pencemaran sumber air berkenaan.



Lokasi pencemaran disiasat pegawai JAS bersama pasukan Bomba dan Penyelamat Balai Nenas. - Foto FB N22 BEBAR

Penduduk Kampung Merchong, Ismail Kasim, 52, berkata ini kali pertama sungai berkenaan tercemar yang disedari beberapa penduduk selepas mendapati air Sungai Teritit berbuih dan mengeluarkan bau sebelum mereka melaporkannya kepada pihak berkuasa.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- JAS siasat bau busuk Sungai Teritit
- Pencemaran bau di Sungai Pandan akibat bahan kimia
- 'Komponen beracun cemar udara, hasilkan bau tak menyenangkan penduduk...'
- Empat kilang diarah henti operasi kerana gagal urus sisa kimia buangan
- Pencemaran bau di Johor, dua ditahan
- Pencemaran bau di Taman Perindustrian Tropika dari bahan kimia sama di Tiong Nam
- Mangsa Sungai Kim Kim masih trauma
- Pencemaran Sungai Pandan: JAS Johor jumpa beberapa bungkusan di anak sungai

"Bahan kimia dibuang di tepi Jalan Nenas-Rompin dan penduduk mendakwa ia dalam bentuk asid, mengalir masuk Sungai Teritit yang turun ke Sungai Palas dan kemudian ke laut. Kami bimbang pencemaran boleh menyebabkan ikan mati dan menjejaskan hidupan air," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Ariff, berkata wakilnya bersama pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang sudah meninjau lokasi pencemaran, termasuk Sungai Teritit.

Beliau menasihatkan penduduk lebih berhati-hati dan mengelak melakukan sebarang aktiviti di kawasan berhampiran seperti memancing dan mengambil hidupan air dari parit sekitar kawasan berkenaan, termasuk Sungai Teritit.

"Air Sungai Teritit tercemar akibat sumber yang belum dikenal pasti. Bagi mengelak sebarang risiko dan masalah kesihatan, penduduk dinasihatkan tidak menghampiri sungai terbabit. Semua agensi bertanggungjawab telah dimaklumkan dan tindakan sedang diambil," katanya.



Penguat Kuasa JAS Pahang meninjau pencemaran Sungai Teritit. - Foto FB N22 BEBAR

Selain JAS, lokasi pencemaran turut ditinjau pasukan Bomba dan Penyelamat Balai Nenas, manakala sampel bahan kimia yang dipercayai punca pencemaran diambil untuk analisis Jabatan Kimia.